

13/11/2003

10,000 rakyat Kedah sambut Dr M Isnin

ALOR STAR: Tun Dr Mahathir Mohamad akan diberikan sambutan besar-besaran apabila pulang buat kali pertama ke Kedah selepas melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu, pada Isnin ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata kira-kira 10,000 orang dijangka menyambut Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, kira-kira jam 3.45 petang.

"Sambutan itu adalah anjuran Barisan Nasional, Umno dan kerajaan negeri sebagai tanda terima kasih kepada Dr Mahathir yang pulang untuk berbuka puasa di Masjid Felda Laka Selatan, Changloon.

"Kita jangka ramai yang akan berbuka puasa dengan Dr Mahathir di Changloon," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darulaman di sini, semalam.

Difahamkan 3,000 jemputan dibuat untuk majlis berbuka puasa di masjid itu termasuk Syed Razak dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Pada majlis sama, Dr Mahathir juga dijangka menyerahkan bantuan hari raya kepada 300 anak yatim dan warga emas di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang.

Ini adalah tugas pertama Dr Mahathir dengan status Ahli Parlimen Kubang Pasu selepas bersara daripada tugasnya sebagai Perdana Menteri.